

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR
TAHUN 2012**

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2

Markah Penuh Kertas 2	:	100	markah
Bahagian A (i)	:	20	markah
Bahagian A (ii)	:	10	markah
Bahagian B	:	20	markah
Bahagian C	:	40	markah
Bahagian D	:	10	markah

BAHAGIAN A (i) : Ringkasan 20 markah

- Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
 - Bahasa dinilai secara tanggapan (**impression**).
 - Pemeriksa dikehendaki menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan tetapi tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan.
 - Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah.

Markah Bahasa (10 markah)

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	09 – 10	Bahasa baik dan lancar. Berupaya menggunakan ayat sendiri Pemilihan kata yang tepat dan ayat yang gramatis Penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca betul
Baik	06 – 08	Bahasa masih baik dan masih lancar. Masih berupaya menggunakan ayat sendiri Pemilihan kata agak terhad dan ayat yang masih gramatis Penanda wacana masih sesuai Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	03 – 05	Bahasa kurang lancar. Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca ATAU Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih.
Penguasaan Minimum	01 – 02	Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah. Menyalin secara terus daripada petikan.

Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	Markah
5	9 – 10
4	7 – 8
3	5 – 6
2	3 – 4
1	1 – 2

Isi-isi cadangan

- 1. Penduduk perlu mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan. 2m
- 2. Pihak-pihak berwajib melakukan penyemburan secara percuma di kawasan yang terlibat. 2m
- 3. Kita juga seharusnya memberikan kerjasama kepada pihak yang datang menyembur racun atau "fogging" di kawasan perumahan. 2m
- 4. Kerajaan perlu menaikkan nilai kompaun kepada satu nilai yang lebih tinggi. 2m
- 5. Kempen Pencegahan Denggi harus digiatkan untuk menyedarkan masyarakat. 2m
- 6. Ibu bapa haruslah memastikan anak-anak berpakaian lengkap semasa melakukan aktiviti di luar rumah pada waktu petang. 2m
- 7. Anak-anak juga perlu dinasihati agar membersihkan diri dengan baik selepas terdedah dengan kuman-kuman ketika bermain di luar. 2m
- 8. Ibu bapa hendaklah bertindak segera sekiranya anak-anak didapati mempunyai simptom-simpton denggi. 2m

BAHAGIAN A (ii) : Soalan Pemahaman

Soalan 1 : Maksud kata / rangkai kata (2 markah)

Markah	Deskripsi
2 markah	-Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	-Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap -Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata dan ayat gramatis
0 markah	-Maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 : Soalan Pemahaman (4 markah)

Markah	Deskripsi
4 markah	-Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dengan ayat gramatis
3 markah	-Isi cukup serta lengkap mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas serta ayat kurang gramatis
0 markah	-Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis -Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis

Soalan 3 : Soalan Pemahaman Kemahiran Berfikir (4 markah)

Markah	Deskripsi
4 markah	-Isi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3 markah	-Isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	-Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	-Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis -Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

Cadangan Jawapan Pemahaman.

Soalan 1 (2 markah)

Rangkaian kata *menyumbang jasa* bermaksud

menabur	bakti/khidmat
memberikan	sumbangan
menghulurkan	Bantuan

Soalan 2 (4 markah)

Simpton-simpton pesakit yang menghidap demam ialah:

- mereka yang dijangkiti virus ini biasanya akan diserang demam panas yang mengejut 2m
- terdapat juga bintik-bintik merah 2m
- sakit sendi di seluruh badan pesakit 2m

(Pilih mana-mana dua jawapan)

Soalan 3(4 markah)

Punca-punca yang menyebabkan wabak denggi mudah merebak ialah

- tidak menjaga kebersihan persekitaran 2m
- tidak menjaga kebersihan diri 2m
- tidak mempunyai kesedaran tentang bahayanya wabak denggi 2m
- sikap lepas tangan dan budaya tidak peduli dalam masyarakat 2m
- kurang pemantauan dan penguatkuasaan daripada pihak-pihak berwajib 2m

(Terima mana-mana pendapat yang sesuai)

**Bahagian B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(20 markah)**

Kriteria Penskoran

PERINGKAT /MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang 16 – 20 (18 – 20) (16 – 17)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata dan ayat gramatis- Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat- Ejaan dan tanda baca yang betul- Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata- Idea yang relevan berdasarkan tugasHuraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai serta berkembang- Pengolahan menarik dan berkesan- Kesalahan penggunaan kata yang minimum(3 kesalahan)
Baik 11 – 15 (13 – 15) (11 – 12)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata dan ayat masih gramatis- Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat- Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata, frasa dan ayat- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum- Idea masih relevan berdasarkan tugasHuraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan kurang dikembangkan- Pengolahan masih menarik
Memuaskan 06 – 10 (08 – 10) (06 – 07)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata dan ayat kurang gramatis- Penggunaan kosa kata terhad- Kesalahan penggunaan kata yang ketara- Kesalahan ejaan dan tanda baca ketara- Idea kurang relevan berdasarkan tugasHuraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan terhad- Pengolahan tidak menarik
Penguasaan Minimum 01 – 05	<ul style="list-style-type: none">- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap- Isi kabur/ tidak berkaitan dengan tugas

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah **menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan**. Kemudian, nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.

2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk pertimbangan yang muktamad. Sambil membaca, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi/ fakta seperti yang berikut:

- _____ Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
- / Kesalahan ejaan
- // Kesalahan ejaan yang berulang
- Kesalahan tanda baca
- () Kesalahan isi/ fakta

Cadangan Jawapan

1. Periksa sehingga 120 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.
2. Calon dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya tiga kepentingan sungai kepada manusia.
3. Diharapkan calon dapat menerangkan cara-cara menjaga kesihatan diri.
4. Jika calon menulis lebih daripada 120 patah perkataan, isi cukup 3, bahasa cemerlang, layak mendapat markah cemerlang bawah.
5. Jika calon tidak menjawab tugas – markah maksimum penguasaan minimum. Markah boleh dinaikkan ke peringkat memuaskan jika bahasa cemerlang.
6. Jika karangan tanpa kesimpulan atau perenggan penutup melebihi 120 patah perkataan dan tiada ada ungkapan menarik – markah baik.

Bahagian C : Karangan Respons Terbuka [40 markah]

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	33 – 40
Kepujian	25 – 32
Baik	17 – 24
Memuaskan	09 – 16
Penguasaan Minimum	01 – 08

KRITERIA MENILAI KEMAHIRAN MENULIS

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA	Kegramatisan Kata (Morfologi) dan Ayat (Sintaksis) Ejaan dan tanda baca betul Kosa kata luas dan tepat.
2. IDEA	Isi-isi sesuai, huraian isi jelas dan contoh yang sesuai
3. PENGOLAHAN	Pengolahan menarik dan berkesan Pemerenggan sesuai Format menepati tugas Unsur keindahan bahasa (pantun dan peribahasa)

Kriteria Penskoran

PERINGKAT/ MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang 33 – 40 37 – 40 33 – 36	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Penggunaan penanda wacana yang betul- Ejaan dan tanda baca betul.- Penggunaan kosa kata luas dan tepat- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai.- Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas.- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.
Kepujian 25 – 32 29 – 32 25 – 28	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat.- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Penggunaan penanda wacana yang sesuai- Ejaan dan tanda baca yang betul.- Penggunaan kosa kata luas.- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh.- Pengolahan menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas.
Baik 17 – 24 21 – 24 17 – 20	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai- Penggunaan ayat gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai.- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum.- Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas- Pengolahan masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas.
Memuaskan 09 – 16 13 – 16 09 – 12	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad- Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat.- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.- Idea masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas- Pengolahan kurang menarik dengan pemerenggan yang kurang dan format yang kurang tepat/ format bercampur aduk.
Penguasaan minimum 01 – 08 05 – 08 01 – 04	<ul style="list-style-type: none">- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap.

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah **menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan**. Kemudian, nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk pertimbangan yang muktamad. Sambil membaca itu, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi/ fakta seperti yang berikut:

_____ Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
/ Kesalahan ejaan
// Kesalahan ejaan yang berulang
○ Kesalahan tanda baca
() Kesalahan isi/ fakta

3. Pemotongan markah untuk ejaan yang salah
 - (a) ½ markah dipotong bagi setiap ejaan yang salah
 - (b) Pemotongan keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah
 - (c) Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira
 - (d) Ejaan hendaklah mengikut Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu

Cadangan Jawapan

Soalan C (1)

- Format: Tiada
- Calon menulis langkah-langkah untuk membaiki kelemahan pasukan mereka sebagai persiapan untuk pertandingan pada tahun hadapan
- Calon menceritakan sebab-sebab kekalahan pasukan mereka. -peringkat memuaskan
- Kemungkinan lain tiada.

Soalan C (2)

- Format: Tiada
- Calon menulis cara-cara menghormati guru.
- Calon menulis cara-cara menghormati pihak lain. terima- peringkat memuaskan

Soalan C (3)

- Format: Syarahan
- Calon dapat menulis syarahan tentang peranan ibu bapa penting untuk memupuk amalan gaya hidup sihat dalam keluarga.
- Calon dapat menulis syarahan tentang peranan diri sendiri untuk memupuk amalan gaya hidup sihat dalam keluarga. terima – peringkat baik
- Kemungkinan lain tiada.

Soalan C (4)

- Format: Tiada
- Calon dapat menulis tentang peranan kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan.
- Calon menulis peranan pihak lain untuk mengurangkan kadar kemalangan. - memuaskan
- Calon menulis cerita tentang kemalangan jalan raya. - memuaskan

Soalan C (5)

- Format: Tiada
- Calon dapat menulis cerita tentang cara-cara seseorang membalas jasa insan yang pernah menolongnya.
- Calon menulis karangan tentang cara-cara membalas jasa seseorang – kepujian.
- Kemungkinan lain- tiada.

Bahagian D : Pemahaman Novel (10 markah)

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6
Bahasa	4

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT/ MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang 04	Bahasa baik dan lancar Ayat gramatis Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik 02 – 03	Bahasa masih baik dan masih lancar Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan 01	Bahasa tidak cekap Ayat tidak gramatis Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

Maksimum - **6 markah**

- Setiap novel disertakan dengan tiga persoalan berserta huraian dan contoh yang sesuai - 2 markah
 - Huraian persoalan dan contoh yang kurang jelas - 1 markah
- (Calon dikehendaki memberikan tiga persoalan daripada mana-mana novel dipelajari sama ada novel Lestari Bukit Menghijau ataupun novel 6.20)

Isi cadangan

Novel Lestari Bukit Menghijau

1. Cinta akan alam sekitar.
Pak Tua amat mencintai alam sekitar hingga sanggup membeli sebuah bukit seluas empat hektar yang dipenuhi belantara. Kawasan bukit ini ditanami dengan pokok bintangor.
2. Kepentingan menjaga kebersihan kawasan persekitaran.
Penduduk Kampung Alor Rambai telah membersihkan kawasan rumah Pak Hamid dan kawasan kampung demi mengelakkan penyakit-penyakit bawaan nyamuk.

3. Peranan pelajar menjayakan sesuatu projek sekolah.
Zahiran dan rakan-rakannya berusaha mencari burung dan ikan untuk menjayakan projek sekolah lestari.
4. Kepercayaan karut dalam masyarakat
Pak Hamid mempercayai khidmat dukun Lebai Deraman yang mengubati anaknya, Hamzah. Hamzah dikatakan demam biasa akibat ditegur hantu tanah.
5. Kegigihan para saintis membuat penyelidikan perubatan moden.
Pak Tua dan rakan-rakannya berjaya menghasilkan penawar HIV daripada ekstrak pokok bintangor spesies *calophyllum lanigerum*.
6. Manfaat sumber alam kepada manusia.
Sumber alam seperti pokok bunga cempaka putih boleh mengubati bisul, kudis dan radang tengkuk; daun pokok kacang kelor berkhasiat membantu membersihkan darah, mengurangkan kandungan gula dan mengawal tekanan darah di dalam badan.

Novel 6:20

1. Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anaknya.
Contoh: Ibu Sukma berasa sangat bimbang apabila Sukma ingin berjumpa dengan tetamu-tetamu misteri di hadapan rumahnya pada jam 6:20 kerana baginya tindakan Sukma akan membawa bahaya kepada dirinya.
2. Konflik dalam keluarga.
Contoh: Persoalan ini dipaparkan melalui konflik yang berlaku antara ibu dengan Sukma. Ibu beranggapan Sukma mengalami tekanan perasaan dan telah membelikannya sebuah buku untuk mengurangkan masalahnya.
3. Tanggungjawab seorang sahabat.
Contoh: Jerry sanggup membantu Sukma dengan memberitahu segala maklumat kelab WX2 walaupun Jerry tahu bahawa nyawanya terancam.
4. Berani menegakkan kebenaran
Contoh: Sukma, Teja dan Rafi berusaha mencari lebih banyak bahan bukti dan maklumat berkaitan kelab WX2. Sukma sanggup pergi ke Kelab WX2 seorang diri untuk mengetahui keadaan sebenar kelab tersebut.
5. Menunaikan ketaatan terhadap perintah Tuhan.
Contoh: Tuan Haji Syaqr dan Sukma tidak lupa menunaikan solat walaupun mereka sibuk dengan urusan masing-masing.
6. Prihatin terhadap masalah orang lain.
Contoh: Tuan Haji Syaqr berusaha mengumpulkan dana bagi membiayai pembedahan jantung dan merawat penyakit kulit Ehsan.

[Terima mana-mana isi lain yang relevan daripada novel yang berkenaan]